



28 minit ke KLIA

kosmo 5/11/13 MS 84

TREN KLIA Ekspres mengambil masa selama 28 minit bagi perjalanan sejauh 57 kilometer.

ERL menjadi pengangkutan pilihan utama ke KLIA kerana ia menjimatkan masa.

Oleh **NADIA SHAFUL BAHARI**
nadia.bahari@kosmo.com.my

DUDUK di kokpit tren selama 28 minit tanpa henti kedengaran seperti satu tugas mudah yang digalas oleh pemandu tren berkelajuan tinggi, KLIA Ekspres.

Namun, gangguan kecil seperti keadaan perut yang memulas secara tiba-tiba sewaktu bertugas antara pengalaman lucu bagi seorang pemandu Express Rail Link



PENUMPANG KLIA Ekspres dan KLIA Transit boleh membeli tiket perjalanan ke destinasi pilihan menggunakan kiosk tiket yang disediakan dengan menggunakan kad kredit atau debit sahaja.

“Memang banyak kejadian penumpang tertinggal barang di dalam kereta api berlaku sungguhpun pengumuman peringatan telah dibuat berulang kali”

satu daripada dua pelaksanaan sistem perlindungan yang dipasang di sesetengah tren. Sistem tersebut membantu mengelakkan





Sdn. Bhd. (ERL),
Denny Putra, 40.

"Hendak buat
macam mana, tren
tidak boleh
dihentikan dan kami
perlu bertahan
sehingga sampai di

destinasi.

"Tetapi, ia bukanlah suatu yang
kerap berlaku kerana sebagai
pemandu kami semua memang
menjaga pemakanan dan tidak makan

sejam sembarangan sebelum
memulakan tugas," ujarnya yang
sudah berkhidmat selama 11 tahun
bersama ERL.

Perkhidmatan KLIA Ekspres sudah
banyak menjimatkan masa perjalanan
penumpang yang ingin ke Lapangan
Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
(KLIA) di Sepang, Selangor dari KL
Sentral di Kuala Lumpur. Tempoh
bagi perjalanan sejauh 57 kilometer
itu hanya mengambil masa
28 minit berbanding lebih

sejam jika menggunakan
perkhidmatan bas atau teksi.

Harga tiket yang ditawarkan masih
kekak seperti ia mula-mula beroperasi
pada April 2002 iaitu RM35 bagi
perjalanan sehala.

Faktor keselamatan

Menurut Denny, pemandu
mengawal halaju tren tersebut
berpandukan sistem Perlindungan
Keretapi Automatik (ATP).

ATP merujuk kepada

membantu mengelakkan
pertembungan disebabkan kegagalan
pemandu untuk melihat isyarat atau
sekatan kelajuan.

Kelajuan maksimum tren
berkelajuan tinggi milik ERL adalah
160 kilometer sejam (km/j) dan
bergerak pada kelajuan 100 km/j di
kawasan-kawasan koridor berkongsi.

Jelasnya, koridor berkongsi
bermaksud stesen yang berkongsi
perkhidmatan dengan KTM Komuter
atau sistem Transit Aliran Ringan.

Difahamkan, jumlah pemandu ERL
ialah seramai 60 orang, di mana 20

hingga 30 orang
daripadanya akan
bertugas secara
bergilir-gilir setiap hari.

Selain daripada
memastikan perjalanan
penumpang menggunakan
perkhidmatan KLIA
Ekspres berjalan lancar,
pemandu kereta api
bertanggungjawab
memastikan segala
barangan penumpang
dibawa bersama sewaktu
meninggalkannya.

"Memang banyak kejadian
penumpang tertinggal barang
di dalam kereta api berlaku
sungguhpun pengumuman
peringatan telah dibuat
berulang kali. Rakan setugas
saya pernah menjumpai
sebatang tongkat penumpang

PENUMPANG KLIA
Ekspres bersedia
untuk masuk ke
dalam tren.



TREN milik ERL menyediakan perkhidmatan yang cekap
dan ruang dalaman yang luas serta selesa.

- ERL turut mengendalikan perkhidmatan KLIA Transit ke KLIA dan Terminal Penerbangan Tambang Rendah (LCCT).
- Tren KLIA Ekspres milik ERL adalah sebanyak lapan buah manakala tren perkhidmatan KLIA Ttransit adalah sebanyak empat buah.

Info KLIA Ekspres

- Hanya 28 minit tempoh diperlukan untuk tiba di (KLIA) dari KL Sentral.
- Tren pertama bermula pada pukul 5 pagi dan tren terakhir beroperasi pukul 12.30 malam dari KL Sentral dan manakala pukul 1 pagi dari KLIA.
- Kekerapan perjalanan adalah 15 minit sekali pada waktu puncak (5 pagi hingga 9 pagi).
- Harga tiket sehalu KLIA Ekspres bagi dewasa ialah RM35 dan kanak-kanak berusia di antara dua sehingga 12 tahun, RM15.
- Kad EasyCard bagi 11 kali penggunaan berharga RM350.
- Perkhidmatan porter (pengangkat barang) KLIA Ekspres menawarkan perkhidmatan mengangkat beg dan barangan pelanggan secara percuma.

sewaktu melakukan pemeriksaan.

“Jika difikirkan kembali, kejadian itu adalah suatu yang melucukan kerana bagaimana penumpang berkenaan masuk ke dalam kereta api dengan bertongkat tetapi keluar tanpa menggunakannya,” kata Denny tersenyum.

Antara barangan lain yang biasa ditinggalkan di gerabak tren milik ERL ialah beg tangan, dompet, gitar, kamera digital, telefon bimbit dan komputer riba.



KEMUDAHAN yang disediakan perkhidmatan ERL Ekspres menarik perhatian penumpang tempatan dan antarabangsa,

Pengalaman penumpang

Dalam pada itu, seorang penumpang, Raja Muhammad Raja Omar, 32, mengakui dia selesa menggunakan perkhidmatan KLIA Ekspres sebagai laluan pantas ke KLIA.

Beliau yang merupakan pekerja sektor awam di Sabah menggunakan perkhidmatan itu selang dua bulan sekali apabila ke Kuala Lumpur untuk melawat keluarganya.

“Naik KLIA Ekspres lebih menjimatkan masa terutamanya ketika sedang mengejar masa pelepasan penerbangan. Saya amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan kerana ia amat selesa dan mudah,” katanya ketika ditemui di KL Sentral pada cuti Syawal baru-baru ini.

Sementara itu, seorang lagi penumpang, Adilah Ahmad, 35, pernah beberapa kali menggunakan perkhidmatan KLIA Ekspres ke KLIA.

Baginya, perkhidmatan yang



ADILAH

diberikan amat efisien dan berbaloi dengan harga yang dibayar iaitu RM35.

“ERL berjaya mengekalkan keselesaan kepada penumpang dan perjalanan menepati masa seperti pada jadual yang dipaparkan.

“Pada mulanya, saya agak berkira untuk membayar tambang yang ditetapkan dan menaiki bas untuk ke lapangan terbang kerana ia lebih murah. Tetapi tempoh perjalanan menggunakan bas agak lama dan membuatkan

saya beralih kepada perkhidmatan KLIA Ekspres,” jelasnya.

RAJA MUHAMMAD (kanan) selesa menggunakan perkhidmatan KLIA Ekspres kerana dapat menjimatkan masa perjalanan.



ERL kekalkan prestasi menepati masa

PENCAPAIAN pengendali khidmat tren berkelajuan tinggi, Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL), bukan sahaja membanggakan negara malah diakui keunggulan prestasinya di peringkat antarabangsa.

Fakta itu bukanlah omongan kosong. Ia telah menerima pengiktirafan Anugerah Global AirRail yang menobatkan ERL sebagai pemenang Anugerah Perkhidmatan Pelanggan Terbaik pada tahun 2011, *North Star AirRail Link of the Year* (2012) dan Anugerah Komitmen Alam Sekitar (2013).

Tidak terhenti di situ, ERL berjaya mengekalkan prestasi pencapaian perkhidmatan tren berkelajuan tinggi paling menepati masa selama 11 tahun berturut-turut iaitu pada skala 99.7 peratus.

Skala tersebut meletakkan ERL di tangga kedua di belakang perkhidmatan Hong Kong Airport Express yang berjaya mendapat pencapaian 99.9 peratus.

Ketua Pegawai Operasi ERL, Noormah Mohd. Noor berkata, sejajar dengan kecekapan prestasi tersebut, ERL



PENGERUSI Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Tan Sri Syed Hamid Albar (tiga dari kanan) menunjukkan sistem e-tiket baharu yang boleh diakses melalui telefon pintar.

memperkenalkan sistem e-tiket baharu yang menggunakan imbasan kod Tindak Balas Segera (QR).

"Penumpang boleh membuat bayaran tiket melalui telefon pintar mereka dan mengimbas kod yang tertera pada mesin pengimbas tiket tanpa perlu

menggunakan sebarang kad.

"Bagaimanapun bagi mereka yang menempah tiket menggunakan komputer riba atau mengalami masalah kehabisan bateri telefon boleh mencetak kod tersebut di kaunter," jelasnya ketika ditemui di Terminal Udara Kuala

Lumpur (KL CAT) di KL Sentral baru-baru ini.

Tambah Noormah, penumpang KLIA Ekspres mahupun KLIA Transit yang menempah tiket bersama syarikat penerbangan Malaysia Airlines, Cathay Pacific Airways, Royal Brunei Airlines atau Emirates Airline boleh menggunakan kemudahan daftar masuk di KL CAT atau KL Sentral.

"Mereka juga berpeluang menikmati perkhidmatan *porter* secara percuma.

"Penumpang dikehendaki mendaftar masuk sekurang-kurangnya dua jam lebih awal sebelum jadual pelepasan penerbangan atau sejam setengah lebih awal jika tidak membawa bagasi bersama-sama," ujarnya.

Selain itu, ERL turut menyediakan perkhidmatan *VIP Service* yang mengiringi penumpang sehingga sampai di destinasi yang dituju dengan menaiki limosin eksekutif.

Harga bagi perkhidmatan tersebut adalah RM135 seorang bagi Zon 1 iaitu sekitar 15 kilometer (km) dari KL Sentral dan RM185 seorang bagi Zon 2 (15 hingga 30km dari KL Sentral).